

02 JUL 1999

PBS-Pengundi

SENARAI PEMILIH PUNYAI BERIBU-RIBU PENDAFTARAN YANG DICURIGAI, DAKWA PBS

KOTA KINABALU, 2 Julai (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini mendakwa bahawa terdapat 64,701 pendaftaran yang dicurigai daripada 9,694,156 pengundi dalam senarai pemilih negara kini.

Parti itu berkata pendaftaran yang dicurigai itu menunjukkan terdapat dua atau tiga nombor kad pengenalan yang sama.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata hasil kajian parti itu menunjukkan bahawa satu daripada setiap seribu nama dalam senarai pemilih, hampir tujuh mempunyai nombor kad pengenalan yang sama.

Beliau berkata Sabah paling teruk terjejas dengan masalah nombor kad pengenalan yang sama di negara ini dengan 6,025 pendaftaran, iaitu 5,116 pendaftaran didaftarkan dalam senarai pemilih negeri manakala 909 pendaftaran adalah dari luar Sabah.

"Masalah di sini hampir 13 kali lebih teruk dari di Labuan dan tujuh kali lebih teruk dari Melaka," katanya pada persidangan berita di sini.

Pairin berkata parti berkenaan memandangkan berat perkara itu memandangkan pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi dan menggesa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) membetulkan keadaan.

"Kami berterima kasih terhadap jaminan yang diberikan SPR bahawa ia akan membersihkan senarai pemilih bukan hanya di Sabah tetapi seluruh negara. Kami mendedahkan ini dengan tujuan baik untuk membantu kerajaan, terutama SPR," katanya.

Katanya ia juga selaras dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa terdapat kuasa luar yang mengancam keselamatan negara.

Pairin memberikan contoh satu kes di Johor membabitkan tiga pengundi berdaftar -- Tan Ah Jee, Wasil Asdi dan Ibrahim Mod Tahir -- berkongsi nombor kad pengenalan yang sama, 0001384, yang turut dipegang oleh satu lagi pengundi, Periman Awini, di Pahang.

"Semua negeri di Malaysia mempunyai masalah serupa dan ini menunjukkan bahawa mungkin terdapat bukan warganegara Malaysia yang berdaftar sebagai pengundi. Dalam era Koridor Raya Multimedia sekarang, kesilapan seperti itu dalam senarai pemilih kita tidak boleh dimaafkan," kata beliau.

Mengulas tindakan Timbalan Presiden PBS dan wakil rakyat bagi Kuamut Haji Malek Chua dan wakil rakyat Pensiangan Ulin Pamiang yang berpaling tadah menyertai Umno pada 20 Jun, Pairin berkata: "Kita patut melihat pada peruntukan undang-undang dan semangat atau objektif dokumen itu. Jika seseorang itu sambil berdiri, bersumpah terhadap satu affidavit dan menandatangani akuan berkanun ...itu merupakan perkara yang serius kerana ianya satu sumpah."

PBS mendakwa bahawa Malek dan Ulin telah berikrar dalam akuan berkanun bahawa jika mereka menyertai parti politik lain atau mengisytiharkan diri mereka sebagai anggota bebas Dewan Undangan Negeri, mereka akan meletakkan jawatan atau mengosongkan kerusi mereka.

-- BERNAMA

NT RHM RON